

1: Kalis Google: Mengajar Pemikiran Kritis

2: Kerana Nila(i) Setitik: Menceduk dalam Belanga ICT bagi Pendidikan



Puan Roszalina Rawi Puan Nor Hanisah Saphari

Felo Pengajar, Institut Pendidikan Nasional



Tarikh: Rabu, 27 April 2011

Masa: 11.00-12.30tgh

Tempat: ALC Journal Room (NIE3-03-39)
Institut Pendidikan Nasional, NTU

Abstrak

Penyampaian 1: Dewasa ini, bila ditanyakan soalan yang sukar dijawab, perkara pertama yang dilakukan oleh pelajar (dan juga guru) adalah untuk “Google” soalan itu dan mencari jawapannya. Adakah fenomena “Google” melumpuhkan kebolehan kita untuk berfikir secara kritis? Bagaimanakah kita dapat mencipta suasana pembelajaran kalis “Google” yang menyediakan pelbagai peluang untuk pelajar berfokus dan memberi tumpuan? Alat-alat yang mudah serta strategi pedagogi ICT akan dikongsi sama dalam bengkel ini.

Penyampaian 2: IT dan Media baru sinonim dengan generasi kini. Golongan ini tidak kekok, malah berasa janggal jikalau mereka tidak melungsur lalaman internet, bersembang melalui rangkaian sosial dan menggunakan teknologi canggih setiap hari. Ketika golongan ini berpendapat bahawa teknologi ini menepati cita rasa kehidupan mereka, ada pula sesetengah pihak yang prihatin terhadap impak yang dibawa gelombang besar ini. Para pendidik juga masih mencari jawapan dalam memanfaatkan ICT di samping menangkis sebarang kesan yang tidak diingini terhadap pengajaran dan pembelajaran. Perkongsian ini akan mengetengahkan idea-idea melalui pemerhatian dan pengalaman penyampai dalam isu yang dibincangkan.

Biodata:

Puan Roszalina Rawi dan Puan Nor Hanisah Saphari menyertai Institut Pendidikan Nasional Singapura (NIE/NTU) sebagai Felo Pengajar pada tahun 2010. Puan Roszalina menerima Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Melayu dan Ekonomi dari Universiti Nasional Singapura (2001), Diploma Pascasiswazah dalam Pendidikan (Pengkhususan Bahasa Melayu) dengan Kepujian dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU)/ NIE Singapura (2003), dan Ijazah Sarjana dalam Pendidikan (Bahasa Melayu) dari NTU/NIE (2010). Puan Nor Hanisah pula memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Nasional Singapura (2002) dan Ijazah Sarjana Pendidikan dari Universiti Teknologi Nanyang (2008). Sebelum bertugas di NIE, beliau mempunyai pengalaman mengajar di sekolah rendah, sekolah menengah dan maktab rendah di Singapura selama 16 tahun.



Semua dipersilakan hadir!

